

19 JUN 1999

Lim-Konspirasi

ANWAR HASUT CHONG UNTUK GULINGKAN SAYA, KATA KENG YAIK

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini mendedahkan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menghasut Datuk Joseph Chong untuk menjatuhkannya pada pemilihan parti 1996.

Dr Lim berkata pembabitan Anwar dijelaskan oleh Chong dalam surat kepada beliau awal tahun ini, Chong sekarang Anggota Parlimen Bebas bagi kawasan Batu.

"Saya memetik Datuk Joseph Chong sebagai berkata dalam suratnya bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim menyuruh dia mencabar saya pada pemilihan parti pada Oktober 1996," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat Gerakan di Wisma PGRM, dekat sini.

Ketika membacakan surat itu, Dr Lim berkata Chong, dalam surat pada Januari, berkata beliau menemui Anwar di Hotel Shangri-La Tanjung Aru di Kota Kinabalu semasa perayaan Hari Kebangsaan, pukul 11.30 pagi.

"...Saya dihubungi pukul 9.30 pagi oleh setiausaha sulit Anwar untuk menemui Anwar pukul 11.30 pagi di Hotel Shangri La Tanjung Aru dan apabila saya menemui beliau, Datuk Seri Anwar ingin mengetahui tentang rancangan politik saya dalam perhimpunan Gerakan dan saya memberitahunya bahawa saya mungkin bertanding jawatan setiausaha agung parti.

"Dan kemudian, beliau (Anwar) menyuruh saya supaya bertanding bagi jawatan presiden parti dan menjelaskan mengapa saya harus bertanding... Datuk Seri Anwar memberi gambaran bahawa perdana menteri memberi restu kepada saya (Joseph) untuk bertanding," kata beliau.

Dr Lim berkata ia adalah masa yang sesuai untuk beliau mendedahkan isu itu dan pada mulanya beliau tidak mempercayainya kerana ada "persefahaman di kalangan Barisan Nasional (BN) bahawa para pemimpin bersetuju tidak mengganggu antara satu sama lain."

"Ia merupakan konspirasi bukan sahaja untuk menjatuhkan kepimpinan Umno tetapi juga menjatuhkan kepimpinan Gerakan, parti komponen BN," kata beliau.

Ketika ditanya oleh pemberita mengapa Chong menulis surat itu sekarang, Dr Lim menjawab bahawa "saya sendiri tidak tahu mengapa".

Chong bercadang untuk mencabar Dr Lim sebagai presiden parti tetapi hilang kelayakan untuk bertanding. Dr Lim mengekalkan jawatan selepas menewaskan pencabarnya Cheang Chin Chai dengan majoriti 857 undi pada pemilihan itu.

Chong menyerahkan surat membayangkan hasratnya untuk meninggalkan parti pada 22 Nov, 1996 dan diterima oleh Jawatankuasa Pusat parti dua minggu kemudian.

Ketika mengulas ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam pada Perhimpunan Agung Umno, Dr Lim berkata Gerakan menyokong kepimpinan Dr Mahathir untuk memimpin negara pada alaf akan datang.

"Gerakan akan menjadi parti pertama merayu kepada Dr Mahathir supaya terus memimpin BN sehingga pilihan raya akan datang," kata beliau.

Mengenai mesyuarat hari ini, Dr Lim Jawatankuasa Pusat memutuskan bahawa ia akan mengadakan satu lagi mesyuarat pada 18 Julai bagi membincangkan persiapan lanjut untuk perhimpunan agung parti yang dijadualkan dari 24 hingga 25 Julai.

-- BERNAMA

APG RM FAZ

